

MENTAUHIDKAN ALLAH ASAS KECERDASAN SPIRITUAL MUSLIM
Suriani Sudi¹, Fariza Md Sham², Phayilah Yama¹

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),

² Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Malaysia.

Penulis Penghubung: Suriani Sudi. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 44300, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Tel: (60) 196554746. Emel: suriani@kuis.edu.my

Artikel diterima: 23 Mei 2020

| Selepas Pembetulan: 4 Jun 2020

| Diterima untuk terbit: 2 Julai 2020

ABSTRAK

Kecerdasan spiritual merupakan satu aspek penting dalam pembentukan peribadi seseorang. Sebelum ini banyak teori dan kerangka konsep berkaitan kecerdasan spiritual dirujuk kepada sarjana Barat. Walau bagaimana pun, teori dan kerangka konsep yang dikemukakan oleh mereka adalah tidak sesuai untuk dijadikan kayu ukur dalam hidup seorang muslim. Keperluan kepada kecerdasan spiritual hakikatnya telah lama dibincangkan oleh sumber utama Islam al-Quran dan hadis serta sarjana muslim seperti al-Ghazali, Miskawaih, Ibn al-Qayyim serta Najati. Dari situ satu konsep kecerdasan spiritual menurut Islam telah dibentuk. Kefahaman tentang definisi dan konsep kecerdasan spiritual perlu dirungkai dalam masyarakat Islam kerana ia merupakan faktor utama kepada perubahan diri seseorang dan membuatkan hidup lebih bermakna. Kajian ini menghuraikan salah satu elemen penting dalam kecerdasan spiritual iaitu berkaitan dengan tauhid. Kajian akan menggunakan kaedah analisis secara tematik iaitu dengan mengenal pasti hadis-hadis yang berkaitan dengan tauhid. Hasil kajian mendapati, tauhid merupakan elemen asas dalam menentukan tahap kecerdasan spiritual seseorang.

Kata kunci: kecerdasan spiritual, tauhid

ABSTRACT

Spiritual intelligence is an important aspect of one's personal development. Previously many theories and conceptual frameworks related to spiritual intelligence were referred to Western scholars. However, the theories and conceptual frameworks presented by them are not suitable for use as a benchmark in a Muslim's life. The need for spiritual intelligence in fact has long been discussed in the Qur'anic verses and the hadiths of the prophet SAW. The theory of spiritual intelligence was also developed by Muslim scholars including al-Ghazali, Miskawaih, Ibn al-Qayyim and Najati. From that, a concept of spiritual intelligence according to Islam was formed. Understanding of the definition and concept of spiritual intelligence needs to be debunked in the Muslim community as it is a major factor in one's self-transformation and makes life more meaningful. This study outlines the basics of spiritual intelligence which is faith in Allah. The study will use content analysis methods by identifying Quranic verses and hadiths that link faith to God with spiritual intelligence and are supported by the views of Muslim scholars. The results show that faith in God is a fundamental element in determining the level of spiritual intelligence, especially for a Muslim.

Keywords--- *Spiritual intelligence, Faith, Allah*

1. Pengenalan

Kecerdasan spiritual membuatkan hidup seseorang menjadi lebih luas, kaya dan bermakna (Zohar dan Marshal 2000). Mereka berpendapat kecerdasan spiritual adalah kecerdasan untuk menghadapi persoalan makna atau *value* iaitu kecerdasan untuk menempatkan perilaku atau hidup kita dalam konteks makna yang lebih luas dan kaya, kecerdasan untuk menilai bahawa tindakan atau jalan seseorang itu lebih bermakna dibandingkan dengan yang lain. Kecerdasan spiritual merupakan kecerdasan tertinggi yang harus dimiliki oleh seseorang dalam konteks menjalani kehidupan seharian. Maka menurut mereka kecerdasan spiritual adalah kecerdasan jiwa. Seseorang boleh mencapai kecerdasan spiritual yang tinggi apabila mereka berjaya memecahkan persoalan makna dan nilai sehingga mampu meletakkan perilaku dalam konteks makna yang lebih luas dan kaya.

Namun demikian, kecerdasan spiritual di sisi Zohar dan Marshall (2000) merupakan makna dan nilai yang datang dari dalaman hati nurani manusia semata-mata. Pandangan mereka berkaitan kecerdasan spiritual memperlihatkan unsur kemanusiaan dan humanisme serta memisahkan agama dari konsep tersebut;

Spiritual Quotient (SQ) tidak mesti berhubungan dengan agama. Bagi sebahagian orang, SQ mungkin menemukan cara pengukapan mengenai agama formal tetapi beragama tidak menjamin SQ yang tinggi. Banyak orang humanis dan atheis memiliki IQ yang sangat tinggi. Sebaliknya banyak orang yang aktif beragama memiliki SQ yang sangat rendah.

Amram (2007) pula telah mengharmonikan dan menyamaratakan kefahaman amalan kerohanian pelbagai agama untuk membina instrumen pengukurannya. Beliau telah menggunakan dimensi dan sub-dimensi kecerdasan spiritual dari ideologi Buddha, Kristian, Hindu, Jewis, Taoism, Yoga yang berfahaman politeisme iaitu menidakkan kewujudan Tuhan yang satu dan telah menyamakannya dengan dimensi Islam untuk mengesahkan konstruk dan dimensi kecerdasan spiritual. Ianya jelas satu bentuk pluralisme yang bertentangan dengan Islam.

Di sinilah wujudnya perbezaan yang ketara antara perspektif Islam dan Barat. Teori-teori barat hanya menekankan kecerdasan spiritual sebagai potensi khas dalam jasad dan sebagai satu jawapan untuk mengisi kelompangan rohani mereka dan kemiskinan terhadap makna sebuah kehidupan. Ia terhasil dari kemelut jiwa masyarakat Barat yang ingin mencari makna kehidupan mereka. (Toto 2001). Psikologi barat telah mengabaikan fitrah dalaman manusia. Unsur-unsur yang penting dalam fitrah psikologi manusia seperti dimensi kepercayaan, moral dan kerohanian telah dianggap sebagai wacana yang asing dalam psikologi perkembangan mereka (Mujib dan Mudzakir 2002). Tajulashikin Jumahat dan Nor Faizah Abdullah (2014) turut mendapati terdapat dua dilema utama yang wujud dalam teori kecerdasan spiritual dari Barat iaitu terdapat elemen-elemen sekularisme dan pluralisme beragama yang boleh menggugat keutuhan akidah Islam.

Tidak dinafikan bahawa perkembangan keilmuan moden telah begitu didominasi oleh fahaman sekularisme. Fahaman yang sedemikian lama mendominasi sejarah peradaban moden hingga akhirnya telah memberikan jurang pemisah yang mendalam antara kecerdasan spiritual Islam dan Barat. Maka dalam penulisan ini, pengkaji akan mengenenahkan konsep kecerdasan spiritual menurut Islam dan asas kepada konsep tersebut yang boleh dijadikan rujukan khususnya buat penyelidik muslim.

2. Metodologi Kajian


Penulis telah menjalankan kajian kualitatif secara analisa kandungan dengan menggunakan kaedah tematik. Di dalam kajian ini, penulis akan mengumpulkan hadis-hadis yang mempunyai kaitan dengan tauhid kemudian penulis meletakkan tema yang bersesuaian untuk ayat-ayat yang ditemui yang disertakan dengan penjelasan dan huraian terhadap hadis-hadis tersebut.

3. Perbincangan Hasil Kajian

Pada bahagian ini penulis akan mulai dengan perbincangan berkaitan kecerdasan spiritual dan seterusnya elemen-elemen kecerdasan spiritual yang berkaitan dengan tauhid yang diambil dari hadis-hadis yang telah ditemukan.

3.1 Kecerdasan Spiritual

Al-Ghazali (1998) menjelaskan, elemen yang membentuk spiritual seseorang adalah *al-qalb* (hati), *al-ruh* (roh), *al-nafs* (jiwa) dan *al-'aql* (akal). Menurut al-Ghazali (2000), jiwa manusia ini harus ditransformasikan menuju kesempurnaan. Komponen *al-nafs* menurut al-Ghazali (2000) terdapat dalam tiga tahap. Tahap yang paling rendah ialah *al-nafs al-ammarah*. *al-Nafs al-ammarah* bermaksud jiwa yang penuh dengan kemarahan, pemberontakan dan kerosakan. Tahap jiwa pertengahan ialah *al-nafs al-lawwamah* iaitu jiwa yang penuh dengan penyesalan. Pada satu ketika mereka beriman dan pada suatu saat mereka melanggar perintah Allah, tetapi mereka sedar dan merasa menyesal serta bertaubat kepada Allah swt. Manakala tahap jiwa yang paling tinggi ialah *al-nafs al-mutma'innah*, iaitu jiwa yang tenang serta berjaya melawan nafsu syahwat. Walaupun al-Ghazali tidak mendefinisikan secara langsung maksud kecerdasan spiritual, namun perkara yang penting untuk dirumuskan di sini adalah tahap tertinggi iaitu *al-nafs al-mutma'innah* inilah yang dikatakan sebagai spiritual yang cerdas (Salasiah 2016). Perkara ini juga jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Quran di dalam surah al-Fajr (89) ayat 27-30 yang menyatakan *al-nafs al-mutma'innah* sebagai jiwa yang dijanjikan padanya syurga.



Maksudnya: Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi direndah (di sisi Tuhanmu) "Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaKu yang berbahagia. Dan masuklah ke dalam syurgaKu! (al-Fajr (89): 27-30)

Al-Kindi (1980) menafsirkan jiwa yang cerdas sebagai jiwa yang bersih dari dosa, syahwat dan kekotoran, yang sentiasa mencari hakikat kebenaran sesuatu. Apabila seseorang mencapai jiwa yang suci dan cerdas ini, Allah akan melimpahkan rahmat dan cahaya ke atasnya dan ia merasa kenikmatan ruhaniah dan *ilahiyah* yang kekal mengatasi segala kenikmatan berbentuk kebendaan yang ada di dunia. Sesiapa yang memiliki kenikmatan ruhaniah ini sesungguhnya ia mencapai matlamat tertinggi dalam hidupnya.

Kecerdasan spiritual juga adalah memanfaatkan segala potensi dan bakat semaksima mungkin sehingga memberi manfaat kepada dirinya dan orang sekeliling sehingga mampu untuk menyesuaikan diri dengan orang di sekelilingnya. Orang yang cerdas spiritualnya juga adalah mereka yang terhindar dari gangguan jiwa dan penyakit jiwa (Hassan Langgulung 1983). Maka beliau menyifatkan kecerdasan spiritual sebagai kesihatan mental. Menurutnya lagi, seorang yang mempunyai kecerdasan spiritual, jiwanya berfungsi secara harmoni, mempunyai keupayaan menghadapi masalah-masalah yang berlaku dan sentiasa berfikiran positif terhadap kemampuan dirinya.

Hakikatnya, kecerdasan spiritual terhasil dari manifestasi iman yang mendalam serta kepercayaan terhadap keesaan Allah SWT yang melahirkan emosi, pemikiran dan tindakan yang positif. Kecerdasan spiritual itu wujud apabila hati atau jiwa manusia digunakan secara maksimum. Ia

melibatkan deria penglihatan, pendengaran serta kapasiti pemahaman manusia dalam ruang lingkup kefahaman wahyu Ilahi. Kecerdasan spiritual adalah sangat ditentukan oleh hubungan hati dengan kebesaran dan keagungan Tuhan (Bensaid et al. 2014).

Maka simbol utama bagi kecerdasan spiritual menurut Islam adalah sampai dirinya kepada Allah SWT iaitu dengan mengenali Allah, tahu Allah SWT wujud, tahu sifat-sifatNya yang mulia, tahu sifat-sifat yang tidak patut bagiNya, tahu nama-namaNya dan tahu akan perbuatanNya dan kesemua ini dilengkapi dengan mentaati Allah dan menjauhi laranganNya. Kesemua perkara ini terangkum di dalam lima tiang iaitu Islam, Iman, *Ihsan*, takwa dan syukur. Maka apabila wujud lima perkara ini di dalam hati seorang manusia, sesungguhnya ia mempunyai spiritual yang cerdas. Demikian takrifan kecerdasan spiritual menurut Sa'id Hawa (1999).

Kerana itu menurut Miskawayh (2011), manusia dikatakan menjadi manusia yang sebenarnya jika ia memiliki jiwa yang cerdas. Dengan jiwa yang cerdas itu, darjat manusia menjadi tinggi setinggi malaikat. Manusia yang paling mulia adalah manusia yang paling tinggi kadar kecerdasan jiwanya dan hidupnya selalu cenderung untuk mengikuti ajakan jiwa yang cerdas itu. Untuk itu, orang yang cerdas spiritualnya bererti cerdas juga di dalam agamanya (Iskandar 2012).

Huraian di atas jelas membuktikan bahawa dalam membicarakan konsep kecerdasan spiritual, sarjana muslim hakikatnya telah lama mendahului sarjana Barat bilamana lahir pandangan dari al-Kindi (801-873M) pada kurun kelapan, Ibn Miskawayh (932-1030), Ibn Sina (980-1037) dan al-Ghazali (1058-1111) pada kurun ke sepuluh berbanding Zohar dan Marshall yang hanya muncul pada awal kurun ke 20.

Walaupun terdapat pelbagai tafsiran tentang kecerdasan spiritual menurut para sarjana Islam namun hasil dari definisi-definisi dan konsep-konsep kecerdasan spiritual yang dibawakan, maka dapatlah disimpulkan bahawa kecerdasan spiritual adalah merupakan kualiti dalaman manusia, bersifat non material, hal-hal yang berkaitan kerohanian, bukan jasmani dan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan secara khususnya adalah berkaitan dengan hati, akal, jiwa dan ruh. Ia adalah kemampuan dalam berfikir, mengerti, memahami, sentiasa positif dan bertindak secara cepat dan sempurna dalam berinteraksi dengan persekitaran dan dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan. Kecerdasan spiritual dapat dicapai apabila hati dan jiwa manusia digunakan secara maksimum. Kecerdasan spiritual adalah kualiti dalaman berkaitan dirinya, kualiti dalaman dengan Allah, kualiti dalaman dengan masyarakat dan alam seluruhnya.

3.2 Tauhid Sebagai Asas Kecerdasan Spiritual

Tauhid adalah penyaksian bahawa Allah itu Esa (Ibn Hajar 1986). Ia bermaksud mengesakan Allah dalam pentadbiran dan kejadian, tidak menyembah selainNya, membenarkan nama-namanya yang baik dan sifat-sifatNya yang tinggi, membersihkannya dari segala kekurangan dan keaiban (Salih Fawzan t.th). Al-Qaradawi (2001) menegaskan bahawa tauhid merupakan tunjang utama dalam kehidupan spiritual Islam sepertimana Najati (2002) juga menjelaskan bahawa mereka yang mempunyai akidah tauhid mempunyai spiritual yang cerdas kerana ia memenuhi fitrah manusia.

Iman kepada Allah adalah iktikad dan kepercayaan yang kuat bahawa Allah adalah Tuhan seluruh alam seterusnya mengEsakan dan mentauhidkan Allah dalam ibadah sembahyang, puasa, doa, pengharapan, rasa takut dan ketundukan adalah satu bentuk iman kepada Allah. Hanya Dia yang berhak disembah dan disifatkan dengan sifat yang sempurna dan suci dari sebarang kelemahan. (Nu'aym Yasin t.th).

Mentauhidkan Allah adalah iman. Ia dizahirkan dengan ucapan syahadah. Ketika utusan Abu Qais datang menemui Nabi SAW, Baginda bertanya kepada mereka:

قَالَ أَتَدْرُونَ مَا الْإِيمَانُ بِاللَّهِ وَخَدَهُ قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

"Tahukah kalian apa erti beriman kepada Allah satu-satunya?" Mereka menjawab: "Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui." Nabi SAW menjelaskan: Persaksian bahawa tidak ada ilah kecuali Allah dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah... (al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Iman. Bab Ada' al-Khams min al-Iman. No hadis 51)

Hadis di atas menjelaskan bahawa tauhid merupakan asas kepada iman (Ibn Battal 2003). Iman itu letaknya di dalam hati. Hati bukanlah sekadar ketulan daging bahkan ia lebih dari itu. Hati merupakan sumber amalan zahir dan asas perbuatan baik dan buruk. Kiranya hati dipenuhi iman maka perbuatannya juga pasti berlandaskan iman. Hadis baginda SAW di bawah jelas menunjukkan bahawa iman itu terletak di hati.

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ ، وَذَلِكَ أضعفُ الإيمانِ

Maksudnya; Rasulullah SAW, bersabda: "Barangsiapa di antara kamu melihat kemungkaran hendaklah ia mencegah kemungkaran itu dengan tangannya. jika tidak mampu, hendaklah mencegahnya dengan lisan, jika tidak mampu juga, hendaklah ia mencegahnya dengan hatinya. Itulah selema-lemah iman. (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Iman. Bab Bayan Kawn al-Nahy 'an al-Munkar min al-Iman. No hadis 70)

Dalam sebuah hadis yang lain juga jelas menunjukkan iman itu terletak di hati. Iaitu apabila seorang sahabat telah membunuh seorang lelaki yang mengucap syahadah dan beliau membunuhnya kerana pada anggapannya lelaki itu tidak ikhlas dan mengucap hanya kerana takut dibunuh, lantas baginda SAW bersabda;

قَالَ أَفَلَا شَفَقْتِ عَنْ قَلْبِهِ حَتَّى تَعْلَمَ أَفْهَاهَا أَمْ لَا

Maksudnya Rasulullah bertanya lagi: Sudahkah kamu membelah dadanya sehingga kamu tahu dia benar-benar mengucap kalimah syahadah atau tidak? (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Iman. Bab Tahrim Qatlu al-Kafir Ba'da 'an Qala La ilaha illa Allah. No hadis 140).

Allah menyuruh NabiNya agar menyeru hamba-hambanya kepada tauhid dan ia merupakan asas kepada ketundukan terhadap amalan-amalan Islam yang lain (Ibn Battal 2003). Sebagaimana disebutkan di dalam hadis berikut;

لَمَّا بَعَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُعَاذَ بْنَ جَبَلٍ إِلَى نَحْوِ أَهْلِ الْيَمَنِ قَالَ لَهُ: إِنَّكَ تَقْدُمُ عَلَيَّ قَوْمٍ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ، فَلْيَكُنْ أَوَّلَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيَّ أَنْ يُوحِدُوا اللَّهَ تَعَالَى، فَإِذَا عَرَفُوا ذَلِكَ، فَأَخْبِرُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي يَوْمِهِمْ وَلَيْلَتِهِمْ، فَإِذَا صَلَّوْا، فَأَخْبِرُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ زَكَاةً فِي أَمْوَالِهِمْ...

Maksudnya: Nabi SAW mengirim Muadh ke negeri Yaman. Baginda SAW bersabda kepadanya: "Ajaklah mereka supaya mengakui bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan sesungguhnya aku. Pesuruh Allah. Jika mereka telah mematuhi yang demikian,

terangkanlah kepada mereka bahawa Allah SWT mewajibkan kepada mereka solat lima kali sehari semalam. Kalau mereka telah mentaatinya, ajarkanlah bahawa Allah SWT memerintahkan kepada mereka supaya membayar zakat harta mereka, diambil dari orang yang kaya di antara mereka dan diberikan kepada orang - orang yang miskin... (al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Tawhid. Bab Ma Ja'a fi Qawl al-Nabiy. No hadis 7372)

Hadis-hadis di bawah pula menjelaskan tentang kepentingan dan fungsi tauhid dalam kehidupan seorang muslim di mana ia merupakan tiang utama bagi seorang muslim.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْإِيمَانُ بَضْعٌ وَسَبْعُونَ - أَوْ بَضْعٌ وَسِتُّونَ - شُعْبَةً، فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya: dari Abu Hurayrah berkata Rasulullah SAW telah bersabda: Iman itu mempunyai tujuh puluh lebih - atau enam puluh lebih – cabang, yang paling tinggi adalah ucapan La ilaha illa Allah (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Iman, Bab Sya'b al-Iman. No hadis 58)

Baginda SAW menjelaskan melalui hadis tersebut bahawa kalimah tauhid *La Ilaha Illa Allah* adalah cabang iman yang tertinggi. Ia merupakan kalimah yang agung iaitu kalimah tauhid yang menyebabkan seorang menjadi Islam dengan mengucapkannya dan menjadi kafir dengan menolaknya. Ia adalah kalimah pemisah antara Islam dan kafir. Kalimah agung yang tertinggi ini menegaskan bahawa Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan semua sembah selain Allah adalah terbatal. Beriman dengan kalimah tauhid yang agung ini membawa maksud tiada Pencipta melainkan Allah, tiada Pemberi rezeki melainkan Allah, tiada Pentadbir agung melainkan Allah dan tiada yang memiliki mudarat dan manfaat melainkan Allah. Ia juga mengandungi iman kepada nama-nama dan sifat-sifat Allah. Kerana itulah kalimah ini dianggap sebagai cabang iman yang paling tinggi dan mulia (Ibn al-'Uthaymin 1426H) Kerana itulah kalimah agung ini merupakan kalimah yang menyebabkan seseorang itu masuk syurga.

Hadis-hadis berikut mengumpamakan Islam sebagai sebuah bangunan. Manakala tunggak-tunggak bangunan adalah lima perkara tersebut dan tunggak yang pertama dan paling utama adalah penyaksian terhadap keesaan Allah menerusi rangkaian kalimah tauhid iaitu 'Tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah". Penyaksian yang merupakan kunci yang memasukkan seseorang ke dalam agama Islam dan sebab yang melayakkan ia masuk syurga. Penyaksian ini merupakan iman kepada Allah dan Rasul (Ibn Rajab 2004).

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya: Dari Ibnu 'Umar berkata Rasulullah SAW telah bersabda; Islam dibangunkan atas lima landasan; penyaksian bahawa tiada tuhan selain Allah... (al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Iman. Bab Du'aukum Imanukum. No hadis 8; Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Iman, Bab Qawlu al-Nabi Buniya al-Islam 'ala Khamsin. No hadis 122)

Hadis lafaz Muslim pula disebut secara jelas perkataan mentauhidkan Allah yang mana ia menjadi asas kepada Islam seseorang;

عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسَةٍ عَلَى أَنْ يُؤْخَذَ اللَّهُ ...

Maksudnya: Dari Ibnu 'Umar berkata Rasulullah SAW telah bersabda; Islam dibangun atas lima landasan; mentauhidkan Allah... (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Iman, Bab Qawlu al-Nabi Buniya al-Islam 'ala Khamsin. No hadis 120)

Nabi SAW juga mengungkapkan hakikat iman dan kesannya pada hati sebagai kalimah kemanisan dan kelazatan yang mana ia bermaksud, kemanisan dan kelazatan iman adalah satu perkara yang dirasai oleh hati seumpama mulut yang merasai kemanisan dan kelazatan makanan (Ibn Qayyim 1993).

Berdasarkan perkara yang telah disebutkan maka dapat disimpulkan bahawa tauhid merupakan elemen kecerdasan yang paling utama bagi seorang muslim sepertimana yang ditegaskan oleh al-Qaradawi (2001) dan Najati (2002) bahawa tauhid merupakan tunjang utama dalam kehidupan spiritual Islam dan ia memenuhi fitrah manusia. Elemen tauhid inilah yang membezakan dengan kecerdasan spiritual yang diguna pakai oleh Barat yang bersifat sekular, materialistik dan tanpa mengaitkannya dengan kekuasaan Tuhan (Toto Tasmara 2001).

Kecerdasan spiritual pada Allah inilah yang ditanamkan oleh baginda Rasul SAW ke dalam jiwa orang-orang arab selama tiga belas tahun yang pertama dalam dakwah baginda SAW. Tauhid inilah memberi kesan yang cukup mendalam dalam mengubah jiwa-jiwa mereka di mana dengan iman ini membersihkan jiwa-jiwa mereka dari adat-adat jahiliah, mengosongkan akal mereka dari kejahilan dan khurafat. Baginda SAW menyeru para sahabat dan umat Islam ketika itu kepada mendekati Allah, mentaati Allah, bergantung hanya kepadaNya dan memohon hanya kepadaNya. Baginda SAW mengajarkan agar tidak takut melainkan hanya kepada Allah dan tidak meminta melainkan hanya kepada Allah (Najati 1992).

Ini jelas dalam hadis baginda SAW kepada Ibn 'Abbas;

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ كُنْتُ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا فَقَالَ يَا غُلَامُ إِنِّي أَعَلِّمُكَ
كَلِمَاتٍ أَحْفَظُ اللَّهُ يَحْفَظُكَ أَحْفَظُ اللَّهُ بِحَدِّهِ تُجَاهَكَ إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ وَإِذَا اسْتَعْنَيْتَ فَاسْتَعِنْ
بِاللَّهِ وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ وَلَوْ
اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ وَجَفَّتِ
الصُّحُفُ

Maksudnya: Dari Ibnu Abbas berkata: Aku pernah berada di belakang Rasulullah SAW pada suatu hari, beliau bersabda: "Wahai anak, sesungguhnya aku akan mengajarkan kamu beberapa kalimah; jagalah Allah nescaya Ia menjagamu, jagalah Allah nescaya kau menemui-Nya di hadapanmu, bila kau meminta, mintalah pada Allah dan bila kau meminta pertolongan, mintalah kepada Allah. Ketahuilah sesungguhnya seandainya umat bersatu untuk memberi manfaat kepadamu, mereka tidak akan memberi manfaat apa pun selain yang telah ditakdirkan Allah untukmu dan seandainya bila mereka bersatu untuk membahayakanmu, mereka tidak akan membahayakanmu sama sekali kecuali yang telah ditakdirkan Allah padamu, pena-pena telah diangkat dan lembaran-lembaran telah kering. (maksudnya takdir telah ditetapkan). (al-Tirmizi. *Sunan al-Tirmizi*. Abwab Sifah al-Qiyamah wa al-Raqa'iq wa al-Wara' 'an Rasul Allah. No hadis 2516)

Kecerdasan spiritual pada Allah ini akan mengisi hati dan jiwa dengan ketenangan, reda dan kebahagiaan. Maka takwa yang merupakan elemen kecerdasan spiritual, akan menjuruskan seseorang untuk amanah, jujur, adil, bertindak dengan betul, berkelakuan baik, menjauhi permusuhan dan kezaliman dan bertindak dengan sebaik-baik tindakan. Semua ini akan menolak seseorang kepada memperbaiki dirinya, mempertingkatkan kemampuannya yang akhirnya akan menolaknya untuk melakukan sebarang tindakan dengan sebaik-baik tindakan. Maka takwa itu sendiri adalah merupakan antara faktor utama dalam merealisasikan kecerdasan spiritual, pembangunan dan kesempurnaan diri seseorang (Najati 1992).

Oleh kerana itulah, menurut Najati (1992) perkara pertama yang mahu diubah oleh al-Quran adalah spiritual dan jiwa-jiwa orang Arab jahiliah iaitu akidah dan pegangan mereka. Oleh kerana itulah juga, ayat-ayat al-Quran yang turun ketika fasa dakwah Rasulullah SAW di Mekah adalah bermatlamatkan kepada pengukuhan spiritual yang berteraskan akidah dan tauhid kepada Allah. Spiritual yang diperkukuh akidah tauhid merupakan langkah pertama untuk melakukan perubahan pada diri manusia yang akhirnya akan melahirkan kekuatan spiritual yang hebat yang bukan setakat mengubah dirinya sendiri malah mampu mengubah manusia, kehidupan dan alam seluruhnya (Najati 1992).

Menurut Najati (1992), iman dengan akidah tauhid merupakan titik mula kepada perubahan diri seseorang. Ia melahirkan kekuatan rohani yang hebat dan kuat yang mengubah kefahamannya tentang diri, manusia, kehidupan dan alam seluruhnya. Ia mengisi hati dengan cinta Allah, Rasul dan manusia dikelilinginya dan membangkitkan perasaan tenang dan aman tenteram. Tajulashikin (2014) menegaskan bahawa paradigma tauhid harus diletak sebagai kerangka teori kepada konsep kecerdasan spiritual. Ianya sebagai satu langkah untuk meletakkan konsep kecerdasan spiritual berpijak pada landasan tasawur Islam yang sebenar.

3. Penutup

Hasil yang didapati dari kajian di atas jelas menunjukkan bahawa konsep kecerdasan spiritual ini telah lama dibincangkan oleh para sarjana Islam mendahului sarjana Barat. Malah terdapat jurang perbezaan yang besar antara konsep yang diketengahkan oleh barat berbanding Islam. Para sarjana Islam telah meletakkan kecerdasan spiritual ini sebagai elemen penting dalam kehidupan seseorang. Ulama juga telah menetapkan bahawa tauhid merupakan asas kepada kecerdasan spiritual seorang muslim. Maka dengan ini penulis merumuskan bahawa seorang muslim itu mempunyai kecerdasan spiritual apabila ia mempunyai tauhid kepada Allah SWT.

Rujukan

- Abdul Mujib Dan Yusuf Mudzakir. (2002). *Nuansa-Nuansa Psikologi Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Amram, Y. (2007). The seven dimensions of spiritual intelligence: An ecumenical grounded theory. Kertas kerja 115th Annual (August 2007) Conference of the American Psychological Association, San Francisco, CA. <http://www.yosiamram.net/papers> (12 April 2015)
- Bensaid, B., Machouche, S., & Grine, F. 2014. A Qur'anic framework for spiritual intelligence. *Religions*. 5: 179-198.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad b. Isma'il. (1992). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Danah Zohar & Ian Marshall. (2000). SQ - *Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence*. AJM January 2001. <http://www.alisonmorgan.co.uk/Zohar.htm>
- al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1988. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Terj. Prof TK. H. Ismail Yakub MA-SH. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (2000). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Hassan Langgulung. (1983). *Teori-teori Kesehatan Mental: Perbandingan Psikologi Modern dan Pendekatan Pakar-pakar Pendidikan Islam*. Kajang: Pustaka Huda.
- Ibn al-'Uthaymin Muhammad bin Salih bin Muhammad. (1426H). *Syarh Riyad al-Salihin*. Riyadh: Dar al-Watan li al-Nasyr
- Ibn Battal Abu al-Hasan 'Ali bin Khalaf bin Abd. al-Malik. (2003). *Syarh Sahih al-Bukhari li Ibn Battal*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Hajar al-'Asqalani Ahmad bin 'Ali. (1986). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Ibn Rajab Al-Hanbali Zain al-Din 'Abd. al-Rahman bin Ahmad bin Rajab. (2004). *Jami' 'Ulum wa al-Hikam*. Kaherah: Dar al-Salam.

- Ibn Sina. 2007. *Ahwal an-Nafs*. Paris: Dar Byblion.
- Ibn Qayyim Al-Jawziyyah Abu 'Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr. (1993). *Mukhtasar Madarij al-Salikin*. Iskandariyah: Dar Da'wah.
- Iskandar . (2012). Lokus Kecerdasan Spiritual Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Suhuf*, Vol. 5: 37-50
- Al-Kindi, Abu Yusuf Ya'qub bin Ishaq. (1980). *Rasa'il al-Falsafiyah*. Beirut: Dar Andalus.
- M. Faiz al-Math. (1996). *Puncak Ruhani Kaum Sufi Khazanah Perjalanan Spiritual Tokoh-Tokoh Islam Yang Terpendam*. Surabaya: Pustaka Prograssif
- Miskawayh Ahmad bin Muhammad bin Ya'qub. (2011). *Tahzib al-Akhlaq*. Beirut: Mansyurat al-Jamal.
- Muhammad 'Uthman Najati. (1992). *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs*. Lubnan: Dar al-Shuruq.
- Muhammad 'Uthman Najati. (1992). *al-Qur'an wa 'Ilm al-Nafs*. Cetakan ke-5. Lubnan: Dar al-Shuruq.
- Muslim, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi. (1955). *Sahih Muslim*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Nu'aym Yasin. (t.th). *Al-Iman, Arkanahu Haqiqatuhu wa Nawaqiduhu*. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Al-Qaradawi Yusuf. (2001). *Al-Hayah al-Rabbaniyyah wa al-'Ilm*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qaradawi Yusuf. (1993). *Pengertian Tauhid*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd.
- Salasiah Hanin Hamjah. (2016). *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salih bin Fawzan. (t.th). *'Aqidah al-Tawhid*. Jeddah: Dar al-Qasim.
- Sa'id Hawa. (1999). *Tarbiyatuna al-Ruhiyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Tajulashikin Jumahat & Nor Faizah Abdullah. (2014). Perbandingan konsep kecerdasan spiritual dari perspektif Islam dan barat: Satu penilaian semula. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014*: 656-666
- Al-Tirmizi Muhammad bin Isa bin Sawrah. (1975). *Sunan al-Tirmizi*. Kaherah: Maktabah al-Babi al-Halabiy.
- Toto Tasmara. (2001). *Kecerdasan Ruhaniah*. Jakarta: Gema Insani